

01/08/2001

Malaysia layak ketua promosi Dinar Islam

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia diminta mengetuai usaha mempromosikan penggunaan Dinar Islam dalam urusan niaga pada peringkat antarabangsa bagi menggantikan dolar Amerika Syarikat.

Ini berdasarkan kesungguhan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan mata wang bersandarkan emas itu digunakan oleh negara Islam sebagai alternatif, terutama selepas krisis kewangan serantau baru-baru ini yang menyebabkan banyak negara tertekan kerana terlalu bergantung kepada dolar Amerika.

Ahli falsafah Islam, Shaykh Abdalqadir As-Sufi, yang dikenali dengan usahanya menggerakkan penggunaan mata wang Islam, yakin kebolehan Perdana Menteri yang disifatkannya sebagai satu-satunya pemimpin Islam di dunia yang berani mencerca sistem perbankan Barat yang terbukti kurang berkesan.

"Saya rasa Malaysia boleh mengetuai usaha ini kerana Dr Mahathir tahu helah Barat dan bertindak terhadap semua undang-undang yang diusahakan oleh kuasa Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

"Akhirnya, Dr Mahathir menyelamatkan keadaan dan saya amat kagum dengan kebolehannya dan tidak ada mana-mana pemimpin Islam di dunia ini berani melawan kuasa bank dunia seperti Perdana Menteri anda," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir, di sini hari ini.

Shaykh Abdalqadir, 71, yang dalam rangka lawatan dua minggu ke negara ini adalah seorang pendakwah, ahli tasawuf serta ahli falsafah yang arif dalam ekonomi politik dan budaya dominan dunia.

Nama asalnya ialah Ian Dallas yang dilahirkan di Ayr, Scotland, sebelum memeluk Islam pada awal 1960an. Beliau adalah pengasas Gerakan Murabitun Sedunia.

Beliau berkata, dalam pertemuan itu, Dr Mahathir mengesyorkan supaya cadangan penggunaan Dinar Islam itu dibincang lanjut dalam seminar di Kuala Lumpur untuk dihadiri pemimpin Islam dari seluruh dunia.

Dalam sidang akhbar selepas menghadiri sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di Doha, Qatar, November lalu, Dr Mahathir menyarankan negara Islam mengurangkan penggunaan dolar Amerika dalam transaksi perdagangan bagi menyekat kenaikan nilai mata wang itu.

Kira-kira 80 peratus urusan perdagangan antarabangsa kini dikendalikan dalam dolar Amerika, malah minyak diniagakan secara eksklusif menggunakan mata wang itu.

Shaykh Abdalqadir berkata, usaha Dr Mahathir juga berjaya mengelakkan ekonomi Malaysia jatuh ke tangan asing yang sebelum itu menyerang ringgit sehingga menyebabkan kejatuhan nilai lebih separuh.

Selain itu katanya, usaha pihak tertentu untuk menubuhkan negara Islam adalah perkara remeh kerana apa yang penting ialah bukan isu negara Islam tetapi taat kepada perintah Allah.

Sementara itu, Ketua Gerakan Murabitun Sedunia, Umar Ibrahim Vadilo yang turut mengiringinya berkata, Malaysia boleh menjadi pemimpin dalam mempromosikan pengguna dinar Islam kerana kejayaannya mengekang spekulator mata wang antarabangsa semasa krisis ekonomi tiga tahun lalu.

"Kita melihat bagaimana mata wang rupiah Indonesia dan ringgit Malaysia diserang hingga nilainya jatuh semasa krisis kewangan Asia. Ini menunjukkan betapa rapuhnya mata wang kertas.

"Sistem dinar Islam yang pernah menguasai ekonomi dunia adalah satu-satunya mekanisme yang boleh menggantikan sistem kapitalis ini dan ia perlu dihidupkan semula secara meluas," katanya.

Umar adalah juga Presiden Eksekutif dan Pengasas Islamic Mint iaitu pengeluar mata wang dinar berasaskan emas tulen yang berpangkalan di Sepanyol. Islamic Mint ditubuhkan pada 1990 untuk memperkenalkan kembali penggunaan mata wang dinar yang 100 peratus berasaskan emas serta dirham yang berasaskan perak selaras dengan tuntutan syariah Islam.

Beliau berkata, kebaikan menggunakan emas sebagai kaedah penggunaan untuk mata wang adalah kerana harganya stabil dan tidak terdedah kepada kadar naik turun inflasi.

(END)